

Bengkel Pengemaskinian Submodul Radas Makmal dalam Sistem Pengurusan Pendidikan (EMIS) Tahun 2026



Labuan, 15 Januari 2026 – Bengkel Pengemaskinian Submodul Radas Makmal dalam Sistem Pengurusan Pendidikan (EMIS) Tahun 2026 telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Kiamsam SSTP.

Bengkel ini telah dihadiri oleh Pembantu Makmal dan bertujuan meningkatkan kefahaman serta ketepatan pengisian data radas makmal dalam sistem EMIS bagi menyokong pengurusan aset makmal yang lebih sistematik dan berkesan.

Program ini telah diurusetikan oleh Sektor Perancangan dengan kerjasama Unit Sains dan Matematik, Sektor Pembelajaran.

Diharapkan bengkel ini dapat memperkukuh tadbir urus data serta menyokong kelancaran pengurusan pendidikan secara berfokus dan berintegriti.





